



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my



Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



PustakaTBainun



ptbupsi

**NILAI DAN FUNGSI TANGON-TANGON MASYARAKAT
KADAZANDUSUN DALAM PEMBENTUKAN KARAKTER
MURID SEKOLAH**

FLORINA JUMIL



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my



Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



PustakaTBainun



ptbupsi

**TESIS DIKEMUKAKAN BAGI MEMENUHI SYARAT UNTUK
MEMPEROLEH IJAZAH SARJANA PENDIDIKAN
(MOD PENYELIDIKAN)**

**FAKULTI BAHASA DAN KOMUNIKASI
UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS**

2018



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my



Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



PustakaTBainun



ptbupsi



ABSTRAK

Kajian ini bertujuan untuk menganalisis nilai dan fungsi yang terdapat dalam beberapa *tangon-tangon* (cerita rakyat) masyarakat Kadazandusun, serta mengenal pasti strategi pengajaran guru dalam mendedahkan nilai-nilai murni yang terdapat dalam *tangon-tangon* (cerita rakyat) bagi pembentukan karakter murid sekolah rendah. Reka bentuk kajian ini merupakan kajian kes yang menggunakan pendekatan kualitatif. Pengumpulan data melalui tiga sumber iaitu pemerhatian, temu bual dan analisis dokumen. Dokumen yang dianalisis ialah Himpunan Cerita Kadazandusun menggunakan Teori Pendekatan Moral sebagai landasan utama dan Teori Formalistik sebagai teori sokongan pengkaji. Kaedah persampelan digunakan untuk menentukan kesesuaian responden agar selari dengan objektif kajian. Seramai 7 orang guru Bahasa Kadazandusun dan 72 orang murid tahap dua di beberapa buah sekolah rendah sekitar daerah Ranau Sabah, yang terlibat dalam kajian ini. Dapatan kajian dalam analisis dokumen menunjukkan bahawa *tangon-tangon* (cerita rakyat) masyarakat Kadazandusun mempunyai nilai-nilai murni yang sesuai diterapkan kepada murid sekolah. Seterusnya, terdapat 3 fungsi utama *tangon-tangon* (cerita rakyat) iaitu hiburan, pendidikan dan alat kawalan sosial. Dapatan kajian dalam temu bual mendapati bahawa walaupun *tangon-tangon* (cerita rakyat) bukanlah faktor utama dalam pembentukan karakter, tetapi ia menjadi pemangkin kepada pembentukan karakter dalam menanamkan nilai kasih sayang, kerajinan, kejujuran, toleransi dan menghormati orang tua khususnya dalam kalangan murid-murid sekolah. Kesimpulannya, kajian ini mendapati *tangon-tangon* (cerita rakyat) masyarakat Kadazandusun dapat membantu kepada pembentukan karakter murid sekolah melalui nilai dan fungsi yang terdapat dalam cerita tersebut. Implikasi kajian, menunjukkan *tangon-tangon* (cerita rakyat) mampu menyumbang membentuka karakter murid dengan usaha pelbagai pihak termasuk ibu bapa, guru-guru dan KPM dalam memperluaskan lagi penggunaan cerita rakyat seperti *tangon-tangon* sama ada dalam PdP atau kehidupan seharian.





THE VALUES AND FUNCTIONS OF THE TANGON-TANGON OF KADAZANDUSUN COMMUNITY IN DEVELOPING THE STUDENTS' CHARACTER

ABSTRACT

This study aimed to analyze the value and functions found in some *tangon-tangon* (folklore) of the Kadazandusun and identifying strategies for teaching in order to reveal the values contained in *tangon-tangon* (folklore) for character development of primary school students. The design of this study is a case study that uses a qualitative approach. The data was collected through three sources which are observation, interviews and document analysis. The document analyzed is the *Himpunan Cerita Kadazandusun* using the Moral Approach Theory as the main platform and the Formalistic Theory as a research support theory. Sampling method is used to determine the suitability of respondents to be in line with the objectives of the study. A total of 7 Kadazandusun Language teachers and 72 level two primary school students in several schools around Ranau, Sabah were involved in the study. The findings in the analysis of the documents shows that *tangon-tangon* (folklore) of the Kadazandusun community has values that can be applied to students. Next, there are 3 main functions of the *tangon-tangon* (folklore), namely as an entertainment, education, and social control tool. The findings from the interviews found that although *tangon-tangon* (folklore) is not a major factor in the development of character, but it became the catalyst for the formation of character in instilling the values of compassion, diligence, honesty, tolerance and respect for elders, especially among school students. In conclusion, this study finds that the folklore (*tangon-tangon*) of the Kadazandusun community can help to characterize the character of students through the values and functions contained in the story. The implication of the study shows that *tangon-tangon* (folklore) could contribute to form the character of students with efforts from various parties, including parents, teachers and the Ministry Of Education in expanding the use of folklore such as the *tangon-tangon* either during lesson or in their daily life.



ISI KANDUNGAN

Muka Surat

PERAKUAN KEASLIAN	ii
PENGESAHAN PENYERAHAN TESIS	iii
PENGHARGAAN	iv
ABSTRAK	v
ABSTRACT	vi
KANDUNGAN	vii
SENARAI JADUAL	xii
SENARAI RAJAH	xiii

BAB 1 PENDAHULUAN

1.0	Pengenalan	1
1.1	Latar Belakang Kajian	4
1.1.1	Latar Belakang Buku <i>Tinimungan Tangan</i> Kadazandusun (Himpunan Cerita Kadazandusun)	9
1.2	Pernyataan Masalah	14
1.3	Objektif Kajian	19
1.3.1	Objektif	19
1.3.2	Soalan Kajian	19
1.4	Kepentingan Kajian	20
1.5	Limitasi Kajian	23
1.6	Definisi Operasional/ Huraian Istilah	30
1.6.1	Fungsi	30
1.6.2	Nilai Murni	29

1.6.3	<i>Tangon-tangon</i> (Cerita Rakyat)	32
1.6.4	Masyarakat Kadazandusun	34
1.6.5	Pembentukan Karakter	38
1.6.6	Murid Sekolah	40
1.7	Kesimpulan	41

BAB 2 KAJIAN LITERATUR

2.0	Pengenalan	43
2.1	Konsep dan Realiti	46
2.1.1	Realiti <i>Folklore</i> dan Cerita Rakyat (<i>tangon-tangon</i>) dalam aspek Definisi dan Perkaitan	46
2.1.2	Konsep <i>Tangon-tangon</i> (Cerita Rakyat)	50
2.1.3	Tahap-tahap Pembentukan Karakter Menurut Tokoh	52
2.1.4	Konsep Nilai Perkembangan Moral	55
2.1.5	Teori Pendekatan Moral M.Atar Semi 1993	69
2.1.6	Teori Formalistik	74
2.2	Kajian-kajian Lepas dalam Negara	75
2.3	Kajian-kajian Lepas Luar Negara	84
2.4	Kesimpulan	90

BAB 3 METODOLOGI

3.0	Pengenalan	91
3.1	Kaedah Kajian	92
3.2	Reka Bentuk Kajian	96
3.3	Pemilihan Sampel (Responden)	103
3.3.1	Profil Responden Kajian	107
3.4	Pemilihan Lokasi Kajian	111
3.5	Tatacara Pemerolehan Data	116
3.5.1	Pemerhatian dan Nota Lapangan	117
3.5.2	Temu Bual	120
3.5.3	Dokumen	125
3.5.4	Kajian Rintis	126
3.5.5	Terjemahan Data	127

3.6	Prosedur Penganalisisan Data	128
3.6.1	Analisis Data dalam Buku Himpunan Cerita Kadazandusun	128
3.6.2	Analisis Data Kajian Lapangan	130
	<i>Data Temu Bual</i>	131
	<i>Data Pemerhatian</i>	134
	<i>Catatan Pemerhatian Dan Catatan Lapangan</i>	136
3.6.3	Analisis Data Temu Bual	137
3.6.4	Kesahan	137
3.6.4.1	Triangulasi	138
3.6.4.2	Bias Pengkaji	139
3.6.4.3	Pemeriksaan oleh Responden	139
3.6.4.4	Penerangan yang Tebal dan Terperinci	140
3.6.5	Kebolehpercayaan	141
3.6.5.1	Jejak Audit	141
3.7	Teori	142
3.7.1	Teori Pendekatan Moral M.Atar Semi (1993) Sebagai Teori Utama Kajian	143
3.7.2	Teori Formalistik dalam Analisis Buku Himpunan Cerita Kadazandusun	144
3.8	Kesimpulan	150

BAB 4 DAPATAN KAJIAN

4.0	Pengenalan	151
4.1	Dapatan Kajian Analisis Buku Himpunan Cerita Kadazandusun	152
4.1.1	Analisis Data Watak dan Perwatakan dalam Buku Himpunan Cerita Kadazandusun	156
4.1.2	Ringkasan 9 Buah <i>Tangon-tangon</i> (Cerita Rakyat) dalam Buku Himpunan Cerita Kadazandusun Hasil Adaptasi Teori Formalistik	160

4.1.3	Analisis Data Fungsi <i>Tangon-tangon</i> dalam Masyarakat Kadazandusun Berdasarkan Buku Himpunan Cerita Kadazandusun	163
i)	Fungsi Hiburan	164
ii)	Fungsi Pendidikan	167
iii)	Fungsi Alat Kawalan Sosial	173
4.1.4	Analisis Data Nilai Murni dalam Himpunan Cerita Kadazandusun	175
4.2	Dapatan Kajian Lapangan	183
4.2.1	Fungsi dan Nilai-nilai Murni <i>Tangon-tangon</i> Masyarakat Kadazandusun dalam Pembentukan Karakter Murid Sekolah Rendah Tahap Dua	184
4.2.2	Strategi Pengajaran Guru Bahasa Kadazandusun dalam Mendedahkan Nilai-nilai Murni yang Terdapat dalam <i>Tangon-Tangon</i>	189
4.2.3	Analisis Keberkesanan Penggunaan <i>Tangon-Tangon</i> Masyarakat Kadazandusun Terhadap Pembentukan Karakter Murid-murid di Sekolah Rendah	195
4.3	Kesimpulan	201

BAB 5 PERBINCANGAN DAN KESIMPULAN

5.0	Pengenalan	202
5.1	Rumusan Kajian	203
5.2	Perbincangan Berdasarkan Soalan Kajian	204
5.2.1	Pengetahuan Guru Bahasa Kadazandusun Terhadap <i>Tangon- tangon</i>	204
5.2.2	Kesesuaian Penggunaan <i>Tangon-tangon</i> Semasa Pengajaran dan Pembelajaran	205
5.2.3	Strategi dalam Pengajaran dan Pendedahan nilai murni <i>Tangon-tangon</i>	206
5.2.4	Pendedahan Nilai Murni <i>Tangon-tangon</i> (Cerita Rakyat)	207
5.2.5	Keberkesanan <i>Tangon-tangon</i> Terhadap Pembentukan Karakter	208
5.2.6	Kerelevanan <i>Tangon-tangon</i> dalam Pembentukan Karakter	209



5.3	Perbincangan Masalah	212
5.4	Cadangan Usaha Mengekalkan	214
5.5	Cadangan Kajian Lanjutan	221
5.7	Kesimpulan	222
RUJUKAN		225
LAMPIRAN		239



SENARAI JADUAL

No. Jadual		Muka Surat
3.2 (a)	Langkah Kerja dalam Reka Bentuk Keseluruhan Kajian	101
3.2 (b)	Ciri Ujian dan Taktik Kajian Kes	103
3.3.1	Responden Primer Berdasarkan Tempat Bertugas, Jantina, Gred, Jawatan, Pengalaman Sebagai Guru Bahasa Kadazandusun, Kelayakan Akademik Tertinggi dan Lokasi Sekolah	111
3.4	Senarai Sekolah, Jumlah Murid Tahap Dua (11 Tahun) dan Jumlah Guru Bahasa Kadazandusun	115
3.6 (a)	Indeks Kod Data Temu Bual	133
3.6 (b)	Indeks Kod Data Pemerhatian	135
4.1	Kriteria Pemilihan <i>Tangon-tangon</i> (Cerita Rakyat) Berdasarkan Nilai-nilai Murni	155
4.1.1(a)	Pencirian Watak dan Perwatakan dalam <i>Tangon-tangon</i> (Cerita Rakyat) yang Dikaji (Adaptasi Teori Formalistik)	159
4.1.2	Ringkasan <i>Tangon-tangon</i> Yang Dikaji (adaptasi teori formalistik)	162
4.1.3(i)	Unsur Hiburan dalam Cerita Rakyat (<i>Tangon-tangon</i>) Buku Himpunan Cerita Kadazandusun	165
4.1.3(ii)	Unsur Pendidikan dalam Cerita Rakyat (<i>Tangon-tangon</i>) Buku Himpunan Cerita Kadazandusun	170
4.1.3 (iii)	Alat Kawalan Sosial Melalui Cerita Rakyat (<i>Tangon-tangon</i>) dalam Buku Himpunan Cerita Kadazandusun	173
4.1.4	Ringkasan nilai murni dalam <i>tangon-tangon</i> (Cerita Rakyat) yang dikaji (adaptasi teori Moral M. Atar Semi, 1993)	182

SENARAI RAJAH

No. Rajah		Muka Surat
1.1	Nama-nama Tipikal dalam <i>Tangon-tangon</i> Masyarakat Kadazandusun	5
1.5	Peta Penghijrahan/Penyelerakan Penduduk Kadazandusun Mengikut Lagenda Nunuk Ragang	29
2.1.4	Strategi Pengajaran Guru	62
2.1.5	Pendekatan Moral M.Atar Semi 1993	73
3.2	Reka Bentuk Kajian	97
3.7.2	Unsur yang Dikaji dalam <i>Tangon-tangon</i> (Cerita Rakyat) Masyarakat Kadazandusun	149
4.1.1(b)	Pencirian Watak	160
4.1.3	Fungsi <i>Tangon-tangon</i> Masyarakat Kadazandusun Dahulu dan Kini	163



BAB 1

PENDAHULUAN



1.0 Pengenalan

Tangon-tangon (cerita rakyat) mempunyai fungsi universal sebagai medium hiburan di samping menjadi bahan mengajar dan mendidik kerana peranannya sebagai alat kawalan sosial dalam kehidupan seharian (Aripin, 1996). Selaras dengan itu, maka *tangon-tangon* (cerita rakyat) boleh disimpulkan sebagai salah satu sastera yang memiliki unsur nasihat, pengajaran dan teladan sebagai suatu panduan dalam pembentukan hidup masyarakat yang harmonis dan sejahtera. Pengaplikasian *tangon-tangon* pada zaman serba moden kini dianggap sebagai salah satu alat dalam membina semula karakter terutamanya dalam kalangan murid sekolah (Fitra Youpika, 2015). Pembentukan karakter ataupun pendidikan karakter merupakan pendidikan nilai, pendidikan budi pekerti, pendidikan moral, pendidikan watak dan turut berfungsi dalam





mengembangkan kemampuan seluruh warga sekolah mahupun negara dalam memberikan keputusan baik-buruk, keteladanan, memelihara apa yang baik dan mewujudkan kebaikan itu dalam kehidupan sehari-hari dengan sepenuh hati (Kemdiknas, 2010).

Dalam dunia pendidikan, karakter boleh dibentuk dengan menggunakan *tangon-tangon* (cerita rakyat) kerana wujudnya nilai murni serta keindahan bahasa yang wujud dalam sesebuah *tangon-tangon* (cerita rakyat) tersebut. Walaupun secara realitinya, kegagalan menyimpan *tangon-tangon* pada masa dahulu secara bertulis menyebabkan berlakunya amalan tokok tambah, namun masyarakat kaum Kadazandusun primitif masih terus menurunkan cerita tersebut sehingga kini (Minah Sintian, 2015). *Tangon-tangon* (cerita rakyat) menjadi sumber untuk menanamkan nilai-nilai moral yang diimbangi dengan penggunaan bahasa yang boleh disesuaikan dengan tingkat kemampuan berbahasa anak. Seperti pendapat Rarasaning Satianingsih & Lydia Lia Prayitno (2011) yang menyatakan bahawa latar belakang budaya cerita rakyat juga boleh dipilih berdasarkan latar belakang murid dan cerita yang disajikan boleh diselaraskan dengan tingkat perkembangan psikologi murid serta membawa nilai estetik (keindahan) dan membawa manfaat bagi murid.

Sehubungan dengan dunia pendidikan, akhir-akhir ini masih terdapat banyak masalah yang menunjukkan kurangnya karakter baik yang dimiliki oleh murid. Semangat cinta dan pengabdian terhadap bangsa terkikis akibat pengaruh dari gaya luar. Krisis ini kuncinya terletak pada sumber manusia dan kemajuan sesebuah bangsa pula terletak pada karakter bangsa tersebut. Jelaslah bahawa, karakter perlu dibentuk dan dibina secepat mungkin agar menghasilkan kualiti bangsa yang berkarakter baik





(Rarasaning Satiangsih & Lydia Lia Prayitno, 2011). Karakter ini boleh dibentuk seawal usia kanak-kanak seperti kata pepatah “melentur buluh, biarlah dari rebungnya”.

Pada peringkat usia muda lagi, kanak-kanak harus dibiasakan berada dalam lingkungan positif tercakupnya keluarga, sekolah dan masyarakat agar lahir generasi yang berkelakuan positif. Lingkungan keluarga, sekolah dan masyarakat yang mempunyai budaya haruslah menanamkan sikap keterbukaan dalam membentuk karakter kanak-kanak melalui *tangon-tangon* (cerita rakyat) agar nilai-nilai budaya yang luhur serta positif mampu dijana dalam dunia pendidikan. Ini selaras dengan pendapat Gaffar (dalam kajian Sofyan Sauri, 2009) yang menyatakan bahawa pendidikan bukan hanya sekadar menumbuhkan dan mengembangkan aspek kemanusiaan tanpa perlu diikat oleh nilai. tetapi melalui nilai-nilai yang luhur itulah maka pertumbuhan dan perkembangan seseorang dapat dijana. Sanjaya (2007) juga menyatakan nilai sebagai suatu aspek berharga, baik dan luhur yang dianggap penting oleh masyarakat untuk diperkenalkan kepada anak. Budaya luhur yang ditegaskan oleh Belen, Sirilus, dkk (2010) sebanyak 17 aspek iaitu (1) agama, (2) jujur, (3) toleransi, (4) disiplin, (5) kerja keras, (6) kreatif, (7) mandiri, (8) demokrasi, (9) rasa ingin tahu, (10) semangat kebangsaan, (11) cinta tanah air, (12) mengharagi prestasi, (13) bersahabat/ komunikasi yang baik, (14) keamanan, (15) gemar membaca , (16) peduli lingkungan dan (17) peduli sosial.

Sehubungan dengan itu, pembentukan karakter berasaskan *tangon-tangon* ataupun dikenali sebagai cerita rakyat perlu dikembangkan bukan sahaja oleh masyarakat Kadazandusun tetapi juga kaum yang lain dengan membiasakan anak untuk mendengar, membaca dan terdedah kepada cerita rakyat di daerah masyarakat





penggunanya. Yakni, *tangon-tangon* (cerita rakyat) yang diwariskan secara turun-temurun memiliki nilai-nilai luhur dalam membentuk karakter anak yang sudah semakin hilang ditelan arus pemodenan. Ini selaras dengan pendapat Zakia Habsari (2017) yang menyatakan bahawa cerita seperti dongeng mengandungi nilai moral dan sosial yang sangat berguna dalam membentuk karakter anak melalui pembelajaran di sekolah mahupun dalam lingkungan rumah atau keluarga. Dongeng termasuk salah satu bentuk cerita rakyat. Menurut Sulistyarini (2009), cerita rakyat mengandungi nilai luhur bangsa, terutama nilai-nilai budi pekerti mahupun ajaran moral. Pembentukan karakter tidak dapat dilakukan dalam waktu yang singkat kerana memerlukan proses panjang dalam waktu yang lama dengan menggunakan cara efektif dan tepat secara berterusan (Zakia Habsari, 2017).



1.1 Latar Belakang Kajian


Kajian ini memfokuskan perbincangan mengenai cerita rakyat ataupun lebih dikenali sebagai *tangon-tangon* bagi masyarakat Kadazandusun. Cerita rakyat tersebut diperolehi melalui buku-buku yang mengandungi cerita rakyat Kadazandusun. Melalui dapatan kajian Umar, 1986:3 mengungkapkan bahawa:

“...karya sastera adalah dokumen sosiobudaya yang mencatat kenyataan sosiobudaya suatu masyarakat pada suatu masa tertentu.”

Cerita rakyat masyarakat Kadazandusun biasanya menggunakan nama yang sama secara berulang-ulang dalam cerita yang berlainan. Hal ini disokong oleh Minah Sintian (2015) yang menyatakan bahawa salah satu keunikan yang wujud dalam cerita Kadazandusun ialah penggunaan nama watak yang sama atau hampir sama akibat



faktor kepelbagaian dialek dan idiolek dalam cerita yang berbeza. Dalam *tangon-tangon* masyarakat Kadazandusun yang primitif, mereka lebih gemar menggunakan nama-nama yang tipikal.



Rajah 1.1. Nama-nama Tipikal dalam *Tangon-tangon* Masyarakat Kadazandusun. Diadaptasi dari Minah Sintian, 2015:3

Tangon-tangon (cerita rakyat) juga merupakan salah satu daripada warisan masyarakat Kadazandusun seperti pepatah, “Hilang bahasa, lenyaplah bangsa” memberi gambaran kepada kita bahawa betapa pentingnya warisan sesuatu bangsa itu untuk terus dipelihara. Kehilangan tradisi pribumi merupakan suatu kejadian yang tragik bagi sesuatu bangsa. Ini turut disokong oleh Julita @Norjietta Taisin (2014) yang menyatakan hasil warisan sesuatu bangsa seperti cerita lisan akan hilang ditelan arus zaman sekiranya tidak didokumentasikan. Sementara itu, menurut (Raymond Bion Tambong, 1994:3) dalam Rosliah Kiting, 2013 bahawa setiap orang Dusun harus memanfaatkan orang tua-tua sebagai aset untuk menimba pengetahuan berkaitan kebudayaan terutamanya warisan lisan yang didakwa oleh beliau sebagai sesuatu yang sangat berharga, pembentuk pemikiran dan perwatakan bangsa Dusun. Jika warisan



mereka tidak dipelajari maka apabila orang-orang tua ini meninggal dunia kelak, pengetahuan dan warisan mereka mengenai Kadazandusun juga akan hilang dibawa pergi dan tidak akan wujud lagi.

Masyarakat Kadazandusun merupakan kaum peribumi asli terbesar di Sabah yang juga dikenali sebagai *momogun* yang bermaksud “orang asal” dan juga *mamasok* yang membawa maksud “orang asli” (Wikipedia, 2016). Etnik ini ternyata sungguh kaya dengan khazanah berbentuk sastera lisan yang sehingga kini masih kurang terungkap dan terungkai dalam bentuk tulisan mahupun media. *Tangon-tangon* atau *susuyon* merupakan salah satu sastera lisan yang menjadi kebanggaan masyarakat kaum Kadazandusun. Istilah ini membawa maksud cerita rakyat ataupun *folklore story*. Bagi masyarakat Kadazandusun, istilah *tangon-tangon* ini sudah tidak asing lagi kerana kemunculannya sejak dahulu kala yang membawa peranan dan fungsi tersendiri dari aspek pembawaan mesej dan sebagainya (Minah Sintian, 2015). Ini selaras dengan pendapat Sisyono, 2008 (dalam L.G.Sarmadi, 2009) yang menyatakan bahawa cerita rakyat iaitu cerita-cerita yang lahir, hidup dan berkembang secara turun-temurun dalam masyarakat tradisional sama ada masyarakat tersebut telah mengenal huruf atau belum, disebarkan secara lisan, mengandungi survival, bersifat anonim, serta disebarkan di antara kolektif tertentu dalam kurun waktu yang cukup lama.

Kita sedia maklum bahawa, dalam aspek pembentukan karakter pula, seperti yang kita tahu, negara Malaysia sedang mengorak langkah drastik dalam mencapai status “Negara Maju” menjelang 2020. Dalam mewujudkan modal insan berkualiti, penghasilan individu yang mempunyai jati diri kukuh, berketerampilan, berkeperibadian mulia, berpengetahuan dan berkemahiran tinggi bagi mengisi





keperluan negara maju sangat penting (Hareesol, Mohd Sofian & Mohamad Khairi, 2016). Dalam melahirkan modal insan berkualiti, aspek pembentukan karakter sangat penting sama ada secara lisan mahupun tulisan (Yusoff Mohamad, 1989). Pendidikan merupakan suatu proses membimbing atau memimpin secara sedar oleh para pendidik terhadap perkembangan jasmani dan rohani anak didik dalam membentuk keperibadian pelajar (dalam penulisan kutipan Ahmad D. Marimba 1962).

Melalui visi yang dikemukakan oleh Kementerian Pendidikan Malaysia yang dipilih pada 27 September 2013 sehingga kini iaitu “Pendidikan Berkualiti Insan Terdidik Negara Sejahtera” (Sistem Guru Online, 2015) memperlihatkan kepada kita bahawa melalui pendidikan, lahir modal insan yang berkualiti dan bermoral yang mampu membawa kemajuan dan kesejahteraan kepada negara. Hal ini setara dengan ciri ataupun aspek yang terdapat dalam Laporan Rahman Talib dan Akta Pelajaran 1961 iaitu memberi penegasan bahawa Pendidikan seharusnya mampu memberi penegasan dalam menerapkan nilai kerohanian yang kukuh dan unsur-unsur disiplin yang diinginkan (Sistem Guru Online, 2015). Jika kita melihat dengan lebih teliti, pendidikan merupakan suatu proses pembelajaran pengetahuan, keterampilan dan kebiasaan yang diturunkan dari satu generasi ke generasi berikutnya. Pendidikan diturunkan melalui pengajaran, pelatihan atau penelitian (Wikipedia, 2016).

Dalam dunia menuju ke arah globalisasi ini, pelbagai masalah remaja ataupun masalah karakter dalam kalangan kanak-kanak remaja seperti pergaulan bebas, narkoba, buli, ponteng kelas dan sebagainya amat berleluasa. Lebih 400 sekolah di seluruh Negara dikenal pasti berhadapan dengan masalah disiplin dalam kalangan murid iaitu melibatkan sejumlah 111,895 pelajar (The Malaysian Insight, 2017). Hal





ini disebabkan rendahnya moral ataupun akhlak mereka yang berkenaan dengan isu ini (Khairul Umam Rambe & Edy Suraya, 2017). Hal ini memperlihatkan bahawa karakter para pelajar zaman sekarang sangat merosot dan membimbangkan. Akhirnya, pembentukan karakter para pelajar merupakan suatu elemen penting pada masa sekarang demi melahirkan pelajar yang lebih bermoral dan berdisiplin tinggi. Ini disokong melalui pendapat Miftakhul Rohmah (2012) yang menyatakan bahawa pembentukan karakter adalah sangat penting khususnya bagi golongan muda yang sangat terdedah dengan arus globalisasi kerana fenomena globalisasi masa kini membawa pengaruh yang besar khususnya dalam tata nilai dan membawa ancaman yang berpotensi meruntuhkan nilai dan tradisi bangsa kita dan diganti dengan tata nilai popular dari negara asing.



mempengaruhi proses punahnya sastera lisan sesebuah kaum. Kanak-kanak terdedah dengan tayangan hiburan melalui media yang dianggap baik namun sebenarnya tidak semua tayangan tersebut memiliki manfaat yang positif. Kebanyakan tayangan tersebut diwarnai dengan kekerasan, kenakalan, kebebasan dan sebagainya. Jika tiada pengawasan daripada orang tua, maka sisi negatif cerita-cerita yang ditayangkan itu dikhuatiri akan meresap dalam minda kanak-kanak (Helms, D. B & Turner, J.S. (1983). Hal ini berbeza dengan *tangon-tangon* (cerita rakyat) yang dibatasi pada nilai edukatif (pendidikan) yang meliputi nilai moral, nilai adat atau tradisi, nilai keagamaan (religi), nilai sejarah (historis) dan nilai kepahlawanan (nilai semangat juang) yang ternyata mampu membentuk karakter murid ke arah positif (Dewi Rukmini, 2009).





1.1.1 Latar Belakang Buku *Tinimungan Tangon Kadazandusun* (Himpunan Cerita Kadazandusun)

Pengkaji menggunakan buku bertajuk “*Tinimungan Tangon Kadazandusun*” (Himpunan Cerita Kadazandusun) yang merupakan hasil buku terbitan Universiti Malaysia Sabah dan juga Universiti Pendidikan Sultan Idris. Buku ini merupakan hasil usaha Minah Sintian dan Rosliah Kiting dan diterbitkan pada tahun 2016 setelah 4 tahun penantian mereka untuk menerbitkan buku tersebut. Buku ini merupakan cetakan pertama dan ilustratornya adalah dihasilkan oleh Jas Arnina Johari.

Buku ini diterbitkan bagi kegunaan para pelajar Minor Bahasa Kadazandusun khususnya, para pensyarah, guru-guru, pelajar sekolah dan orang awam yang berminat. Buku ini memuatkan dua puluh tiga buah cerita rakyat Kadazandusun yang berjaya dikumpulkan dari seluruh pelosok negeri Sabah dalam rumpun Kadazandusun. Antara cerita yang terdapat dalam sastera rakyat ini termasuklah cerita penglipur lara, cerita binatang, legenda, mitos, cerita asal-usul dan cerita yang berkaitan dengan kepercayaan masyarakat Kadazandusun.

Antara cerita yang terdapat dalam buku tersebut ialah *Yanakanak* dan *Rogon Gayo*, Ulat Pisang dan Kera, Tebuan, Katak dan Tikus, *Maki* yang Pemalas, Buaya Menjadi Manusia, *Bootiza*, Matahari dan Bulan, *Rumpad Nipon*, Rama-rama, *Poinuun* dan *Poundapu*, *Rakian* dan *Bulontoi*, Asal-usul Bisa dan Penawar Bisa, *Rara'a* dan Seekor Rusa, *Dayang Singo Longon* dan *Loyuk Tuntung Tamalang*, *Oki* dan *Odou*, *Sugaring* si Hati, *Yanakanak* dan *Lintagu*, Batu Besar dan Telur Ayam, Ikan Menjadi Manusia, Kura-kura dan Biawak, *Kujal* dan *Lundip*, *Bambarayon*.





Dalam cerita tersebut, kebanyakannya dimulakan dengan perkataan ‘*Haro-haro po kaka ri*’ (Kononnya ada cerita) atau ‘*Haro kaka di laid*’ (Pada suatu/zaman dahulu). Dalam kesemua cerita tersebut boleh dilihat bahawa watak dalam cerita tersebut tidak berjalan sendirian malahan kebanyakannya cerita antara dua manusia, binatang, mahupun benda. Contohnya; *Yanakanak* dan *Rogon Gayo* (watak manusia biasa dan manusia ganjil), Ulat Pisang dan Kera (Binatang) dan banyak lagi yang lain.

Usaha untuk mengumpulkan dan mendokumentasikan cerita-cerita rakyat ini dilaksanakan agar genre tersebut dapat diwariskan kepada generasi seterusnya. Pengumpulan dan pendokumentasian disertakan dengan terjemahan dalam Bahasa Melayu sebagai bahasa Kebangsaan untuk membolehkan maklumat budaya dalam sesuatu suku kaum dapat disampaikan juga kepada kaum yang lain. Penterjemahan ini juga bertujuan untuk melestarikan warisan bahasa dan sastra komuniti yang merupakan warisan bersama dalam bangsa Malaysia pelbagai kaum, budaya dan kepercayaan dan proses menterjemah ini mementingkan pemikiran dan idea yang dapat menggantikan makna yang sama atau hampir sama dengan perkataan asal dan bukannya penterjemahan tiap-tiap perkataan daripada Bahasa Kadazandusun ke dalam Bahasa Melayu. Pengumpulan dan penterjemahan ini juga membantu menambah bahan bacaan dan seterusnya mewujudkan dokumen bertulis dalam bahasa sukuan.

SINOPSIS HIMPUNAN CERITA KADAZANDUSUN

(1) Cerita ‘*Yanakanak* dan *Rogon Gayo*’ merupakan cerita rakyat versi masyarakat Kadazandusun di Kampung Bundu Tuhan, Ranau. Cerita ini mengisahkan seorang pemuda kampung bernama *Yanakanak* yang Berjaya menumpaskan *Rogon Gayo* seekor gergasi yang telah mencuri hasil jerat *Yanakanak* dalam satu peraduan memakan hasil jerat *Yanakanak* di rumah *Rogon Gayo*. Hasil kebijaksanaan





Yanakanak, akhirnya berjaya menumpaskan *Rogon Gayo* yang berbadan besar dan kuat.

(2) ‘Ulat Pisang dan Kera’ mengisahkan seekor kera yang baru terselamat daripada dihanyutkan air sungai dan sangat kebuluran. Kera ternampak sebatang pokok pisang yang sedang berbuah dan meminta agar pisang itu masak namun setiap kali pisang tersebut masak, ulat pisang yang tinggal di dalam pelepah batang pisang itu akan menyuruh buah pisang itu kembali mentah. Ungkapan balas-membalas tersebut akhirnya menyebabkan kera itu mati.

(3) Cerita ‘Tebuan’ mengisahkan perkahwinan antara lelaki dengan seorang gadis dari keturunan tebuan. Kehidupan mereka sebagai suami dan isteri telah melalui pelbagai suka dan duka sehingga gadis tersebut kembali menjadi tebuan. Atas dasar cinta yang tidak pernah berbelah bahagi, maka lelaki tersebut telah berusaha untuk mendapatkan semula isteri kesayangannya. Pelbagai dugaan dan rintangan telah ditempuhinya.

(4) Cerita ‘Katak dan Tikus’ pula mengisahkan asal-usul katak yang tidak mempunyai alat kelamin kerana telah dipinjamkan kepada Tikus dalam suatu majlis keramaian. Tikus yang berjanji akan mengembalikan alat tersebut telah memungkir janji. Cerita ini berasal daripada etnik Kimaragang dan mengekalkan dialek Kimaragang.

(5) ‘*Maki* yang Pemalas’ mengisahkan kehidupan suami isteri yang dikenali sebagai *Maki* dan *Odu*. Mereka hidup serba kekurangan. Isterinya *Odu* seorang yang rajin manakala *Maki* pula seorang suami yang malas bekerja. Sikap *Maki* yang pemalas itu akhirnya memakan dirinya sendiri.

(6) ‘Buaya menjadi Manusia’ pula mengisahkan sepasang suami isteri yang dikurniai sepasang anak kembar namun berlainan sifat yakni seorang manusia dan seorang lagi menyerupai buaya. Cerita yang berasal dari Kota Marudu ini mempunyai unsur kekeluargaan dan pengembaraan manusia yang menyerupai buaya.

(7) Cerita ‘*Bootiza*’ berasal dari daerah Tambunan mengisahkan seorang gadis bernama *Bootiza* yang telah dipotong kepalanya oleh Tagahas. Cerita ini mempunyai kaitan dengan kehidupan masyarakat Kadazandusun primitif yang mengamalkan budaya memotong kepala atau *mononggorib*.

(8) Cerita ‘Matahari dan Bulan’ pula mengisahkan asal-usul matahari dan bulan. Keadaan bumi sangat panas kerana mempunyai dua biji matahari. Ramai yang mati kepanasan termasuklah *Kinomulok* isteri *Puruan Sigar*. *Puruan Sigar* akhirnya dapat membunuh salah satu matahari tersebut selepas disuruh oleh *Kinomulok* dalam mimpinya.

(9) Cerita ‘*Rumpad Nipon*’ mempunyai kaitan dengan kepercayaan masyarakat Kadazandusun tentang semangat padi atau *bambarayon* yang menjelma menjadi manusia yang berfizikal hodoh iaitu mempunyai gigi berlapis. *Rumpad Nipon* telah membantu sebuah keluarga petani yang miskin tetapi baik hati.

(10) Cerita ‘Rama-rama’ pula mengisahkan seorang gadis Kadazandusun yang hidup sebatang kara. *Kinduah* telah menjumpai seekor ulat bulu yang diambil dan





dipeliharanya. Ulat bulu tersebut telah membesar sehingga mendatangkan kesusahan kepada *Kinduah*.

(11) Cerita '*Poinuun dan Poundapu*' versi Kampung Bundu Tuhan, Ranau mengisahkan seorang gadis bernama *Poinuun* yang telah ditinggalkan oleh kedua-dua ibu bapanya. *Poinuun* akhirnya telah berkahwin dengan seorang jejaka daripada kayangan bernama *Poundapu*. Cerita ini mempunyai kaitan dengan asal-usul etnik Kadazandusun di Sabah.

(12) '*Rakian dan Bulantoi*' merupakan cerita versi dari Kampung Lohan, Ranau yang mengisahkan kehidupan malang dua adik-beradik iaitu *Rakian* dan *Bulantoi* yang ditinggalkan oleh ibu bapa angkat mereka. Nasib mereka telah berubah setelah menjumpai sebiji kacang panjang. Biji kacang panjang itu tumbuh sehingga ke langit.

(13) Cerita '*Asal-usul Bisa dan Penawar Bisa*' berasal daripada etnik Dusun Labuk Daerah Beluran. Cerita ini mengisahkan sepasang suami isteri yang dikurniai sepasang anak angkat yang mempunyai keajaiban luar biasa. Kedua-dua anak tersebut merupakan putera-puteri kesayangan yang diturunkan ke bumi untuk dijadikan anak oleh pasangan suami-isteri itu.

(14) '*Rara'a dan Seekor Rusa*' berasal dari etnik Kadazan Labuk dari Kampung Kiatau. Cerita ini mengisahkan seorang gadis bernama *Rara'a* dan seekor rusa. Rusa tersebut telah bertukar menjadi manusia semula setelah berkahwin dengan *Rara'a* yang begitu mengasihinya.



(15) '*Dayang Singo Longon dan Loyuk Tuntung Tamalang*' merupakan cerita berbentuk penglipur lara versi etnik Kimaragang dari Daerah Pitas. Cerita ini berkisar tentang pengembaraan roh *Dayang Singo Longon* mencari pemuda tampan bernama *Loyuk Tuntung Tamalang* dalam mimpinya. Perkahwinan mereka mengalami dugaan. Setelah menempuhi pelbagai halangan dalam perjalanan, akhirnya *Loyuk Tuntung Tamalang* Berjaya menemui semula *Dayang Singo Longon*.

(16) Cerita '*Oki dan Odou*' versi dari etnik Sungai yang mengisahkan kehidupan sepasang suami isteri yang tinggal di pinggir sebuah kampung di daerah Kinabatangan. Pasangan suami isteri tersebut mempunyai sikap yang sungguh berbeza namun saling mengasihi. Sikap *Oki* berubah daripada malas menjadi rajin apabila dikenakan oleh isterinya.

(17) '*Sugaring Si Hati*' mengisahkan sepasang suami isteri yang telah berkahwin pada usia lanjut. Walaupun usia lanjut, pasangan tersebut tetap mengharapakan kehadiran seorang anak. Impian mereka untuk memiliki anak sendiri akhirnya terkabul namun malangnya, anak yang diharapkan itu tidak seperti yang diharapkan.

(18) Cerita '*Yanakanak dan Lintagu*' mengisahkan pertentangan sifat dua orang pemuda. *Yanakanak* sangat rajin, menghormati orang tua dan budiman sementara *Lintagu* pula seorang yang pemalas, iri hati dan terburu-buru. Sikap *Lintagu* itu akhirnya membawa padah kepada dirinya sendiri.





(19) ‘Batu Besar dan Telur Ayam’ versi dari daerah Tamparuli pula mengisahkan kehidupan dua orang adik-beradik meneruskan kehidupan selepas ibu mereka ditelan batu besar atau *tontolob*. Kedua-dua beradik tersebut telah merantau dengan membawa telur ayam sehinggalah mereka sampai di sebuah tempat baru. Akhirnya mereka menjadi pemerintah di tempat itu.

(20) ‘Ikan Menjadi Manusia’ versi daripada etnik Kimaragang mengisahkan sepasang suami isteri yang hidup serba kekurangan di sebuah negeri yang diperintah oleh seorang raja. *Odu* telah melahirkan seorang anak tetapi malangnya anak mereka hanyalah seekor ikan yang sangat dibenci oleh *Laki*. *Laki* tidak menyangka bahawa anak tersebutlah yang telah mengubah kehidupan mereka.

(21) Cerita ‘Kura-kura dan Biawak’ mengekalkan dialek Kimaragang. Cerita ini mengisahkan watak binatang iaitu kura-kura dan biawak yang selalu mendapat keuntungan melalui kelicikannya memanipulasikan pihak lain sehingga pihak tersebut mendapat kesulitan. Namun, kelicikan kadang-kala membawa malapetaka.

(22) ‘*Kujal* dan *Lundip*’ yang disampaikan dalam dialek Dusun Tindal pula mengisahkan *Kujal* yang tidak setia kepada isterinya *Lundip*. Semasa *Kujal* berfoya-foya dengan perempuan lain, *Lundip* yang sarat mengandung akhirnya telah meninggal dunia semasa melahirkan anak akibat tidak mendapat rawatan yang sewajarnya.

(23) Cerita ‘*Bambarayon*’ daripada versi Dusun Magatang Keningau merupakan mitos semangat padi dan juga semangat tanam-tanaman lain. Cerita ini mengisahkan perjalanan *Bambarayon* yang menyamar menjadi seorang tua memohon sedikit hasil tanaman daripada para petani seperti padi, buah timun dan buah-buahan. Malangnya petani-petani yang mempunyai hasil tanaman lumayan tidak melayannya sehinggalah *Bambarayon* berjumpa dengan pekebun buah-buahan yang murah hati memberi apa-apa sahaja yang dimintanya meskipun pokok buahnya tidak berhasil. Kemurahan hati pekebun itu dibalas baik oleh *Bambarayon* dan sebaliknya kepada petani-petani yang kedekut.

Melalui Sinopsis tersebut, kita dapat melihat sedikit gambaran mengenai nilai-nilai yang diselitkan dalam setiap *tangon-tangon* (cerita rakyat) tersebut. *Tangon-tangon* masyarakat Kadazandusun mempunyai nilai dan fungsi yang tersendiri mengikut jenis dan jalan cerita yang disampaikan dalam *tangon-tangon* (cerita rakyat) tersebut. Secara umumnya, nilai yang dimiliki oleh *tangon-tangon* tersebut termasuklah nilai kerajinan, baik hati, kasih sayang, hormat-menghormati, ketaatan, bantu-membantu dan banyak lagi. Nilai-nilai tersebut merupakan suatu gambaran nilai-nilai dalam kehidupan peribumi sejak zaman-berzaman.





1.2 Pernyataan Masalah

Pada masa kini, masalah disiplin murid di sekolah semakin lama semakin meningkat akibat kurangnya penekanan nilai murni. Menurut Wan Mohd. Zahid Mohd. Noordin (1988), penerapan nilai-nilai murni menjadi tajuk utama dalam sistem pendidikan khususnya dalam menyediakan anak bangsa yang mempunyai ketahanan diri yang teguh. Saban hari, ada sahaja masalah membabitkan disiplin pelajar yang berlaku di sekolah (Md Sukri Darus, 2012). Kementerian Pendidikan merekodkan bahawa seramai 13,359 pelajar sekolah rendah dan menengah di negara Malaysia terlibat dengan salah laku disiplin sama ada berat ataupun berunsur jenayah (Utusan Online, 2014). Hal ini boleh dibuktikan melalui kes jenayah yang melibatkan pelajar sekolah rendah berumur 8 tahun iaitu Muhammad Alif Shuhran Alias yang dibuli oleh rakan-rakannya sehingga dipaksa memotong lidahnya sendiri. Kejadian ini berlaku ketika dia hendak keluar dari tandas dan ditahan oleh beberapa murid yang memaksanya menggunting lidah sendiri (Utusan Online, Mac 2016).

Kes tersebut memberi gambaran kepada kita bahawa, pelajar masa kini semakin berani untuk melakukan jenayah walaupun masih berada di sekolah rendah lagi. Walaupun pada hakikatnya, Sabah mencatatkan indeks jenayah yang terendah di seluruh negeri dalam Malaysia (Sinar Online, 2014), namun semua pihak haruslah mengambil langkah awal untuk menjaga dan membentuk para pelajar bermula dari peringkat awal lagi. Peratusan jenayah yang rendah pada masa kini tidak menjanjikan keselamatan malar di masa hadapan. Oleh yang demikian, pembentukan karakter harus diamalkan bukan sahaja oleh para pendidik tetapi juga oleh masyarakat itu sendiri. Dalam kajian ini, pengkaji menggunakan *tangon-tangon* ataupun cerita rakyat dalam





menerapkan nilai-nilai murni kepada murid demi pembentukan karakter mereka kepada yang lebih baik dan dapat dikekalkan di masa hadapan.

Seterusnya, penekanan nilai-nilai murni dalam pengajaran adalah kurang (Mohd. Uzi Dollah, 2007; Noor Lela Ahmad, 2008). Dalam sistem pendidikan di negara kita, para pendidik harus menumpukan elemen-elemen menyeluruh dan bersepadu seperti jasmani, emosi, rohani dan intelek bagi melahirkan insan yang baik. Unsur penting yang dititikberatkan dalam falsafah tersebut ialah elemen akhlak, moral dan nilai-nilai murni. Perkara ini termaktub dalam Falsafah Kebangsaan iaitu:

Pendidikan di Malaysia adalah suatu usaha yang berterusan ke arah memperkembangkan lagi proses individu secara menyeluruh dan bersepadu untuk mewujudkan insan yang seimbang dan harmonis dari segi intelek, rohani, emosi dan jasmani berdasarkan kepercayaan dan kepatuhan kepada Tuhan. Usaha ini adalah bagi melahirkan rakyat Malaysia yang berilmu pengetahuan, berketerampilan, berakhlak mulia, bertanggungjawab dan berkeupayaan mencapai kesejahteraan diri serta memberi sumbangan terhadap keharmonian dan kemakmuran masyarakat dan negara. (Pusat Perkembangan Kokurikulum, 2005: hlm ii)

Walau bagaimanapun, kini penerapan nilai-nilai murni dalam pengajaran mempunyai beberapa masalah. Masalah tersebut ialah penekanan nilai-nilai murni yang kurang diambil perhatian dalam pengajaran mata pelajaran di sekolah-sekolah. Selain itu, tahap kesediaan dalam penerapan nilai murni semasa proses pengajaran dan pembelajaran juga amat merunsingkan. (Mohd. Uzi Dollah, 2007; Noor Lela Ahmad, 2008).





Masalah seterusnya adalah kurangnya sumber rujukan berkaitan dengan cerita rakyat tempatan seperti *tangon-tangon* telah menjadi satu kekangan kepada guru-guru untuk mendapatkan sumber rujukan. Ini turut disokong oleh Norfarizah Mohd Bakhir dan Norzaini Zainal (2015) yang menyatakan bahawa pada masa kini naskah cerita rakyat di Malaysia dilihat agak kurang bilangan penerbitannya malahan rak di kedai mahupun perpustakaan didominasi dengan deretan buku-buku cerita rakyat antarabangsa yang tidak memiliki nilai-nilai tempatan. Dalam masyarakat dahulu yang lebih dikenali sebagai *little tradition*, tradisi lisan membawa peranan yang penting. *Little tradition* ataupun “tradisi kecil” berjalan dan bertahan dalam kehidupan masyarakat yang belum berpendidikan dan tinggal bersifat kedesaan (Robert Redfield, 1956). Hal ini kerana, suatu ketika dahulu masyarakat ini masih belum mampu menguasai sistem tulisan dan membaca. Maka, tradisi lisan seperti *tangon-tangon* hanya diceritakan secara lisan. Keadaan ini turut disokong oleh Julita @ Norjieta Taisin dalam kajiannya yang bertajuk “Sudawil: Analisis Dari Aspek Makna” tahun 2014. Beliau menyatakan bahawa kebanyakan tradisi lisan masyarakat pada masa dahulu dicipta dalam masyarakat dan disebarkan kepada generasi seterusnya secara lisan.

Dewasa ini, kepupusan dan kematian pembawa tradisi lisan dan kurangnya kesedaran masyarakat dalam memelihara dan membela khazanah ini menyebabkan pengumpulan tradisi ini masih berada dalam jumlah yang sangat kecil. *Tangon-tangon* (cerita rakyat) merupakan suatu refleksi budaya bagi masyarakat pemilik dan juga penikmat tradisi lisan tersebut. Kewujudan *tangon-tangon* tersebut menggambarkan keunikan dan juga identiti yang dimiliki oleh kaum tersebut serta menggambarkan pemikiran genius masyarakat Kadazandusun sejak zaman dahulu. Namun, sekiranya





tradisi lisan tersebut tidak direkodkan dan dikaji, maka dengan kepupusan serta kematian pembawa tradisi lisan tersebut, menyebabkan kurangnya sumber rujukan guru dan murid dalam mengetahui lebih mendalam lagi tentang *tangon-tangon* Kadazandusun (Wan Yusof Hassan & Siti Hadiah Hj. Ab. Mutalib, 1992, ms vii).

Khazanah warisan Kadazandusun yang tidak direkodkan semakin diancam kepupusan. Seperti yang diketahui, masyarakat Kadazandusun mempunyai pelbagai khazanah warisan yang boleh dibanggakan termasuklah *tangon-tangon*. Walau bagaimanapun, khazanah ini semakin diancam kepupusan dan sekiranya tiada usaha dalam merekodkan *tangon-tangon* dalam bentuk rekod berkualiti dan bukan hanya secara lisan, maka pada masa akan datang, *tangon-tangon* masyarakat Kadazandusun akan pupus sepenuhnya. Hal ini diluahkan sendiri oleh Datuk Seri Panglima Joseph Pairin Kitingan. Ini juga turut disokong oleh Julita @ Norjietta Taisin dalam kajiannya yang bertajuk “Sudawil: Analisis Dari Aspek Makna” tahun 2014 yang menyatakan dalam kajiannya bahawa kewujudan tradisi lisan tidak diberi perhatian dan tidak didokumentasikan. Ketiadaan rekod *tangon-tangon* serta kurangnya usaha untuk membukukan khazanah ini menimbulkan kekhuatiran akan pupusnya warisan kesenian dan kebudayaan masyarakat Kadazandusun.

Aspek pembentukan karakter melalui nilai murni dalam *tangon-tangon* (cerita rakyat) juga agak kurang diberi perhatian. Pembentukan karakter merupakan suatu aspek ataupun bahagian yang tidak dapat dipisahkan dalam proses pembelajaran. Hal ini juga boleh diertikan bahawa pembentukan karakter dengan proses pembelajaran merupakan dua aspek yang mempunyai kaitan yang sungguh erat (Abidin, 2013:57). Namun, terdapat beberapa sistem pendidikan yang hanya menekankan aspek kognitif sahaja kepada murid-murid. Sebagai contoh, mereka hanya disuruh membaca dan



hanya sekadar tahu mengenai cerita tersebut. Hal ini disokong oleh kajian yang diperolehi Mei Vita Romadon Ningrum et.al (2013) melalui kenyataan dalam kajian iaitu:

“Anak murid yang diberi bahan pelajaran hanya sekadar ‘tahu’ dan ‘mengenal’ dengan apa yang didapatkannya , tanpa memahami apa yang mereka pelajari malahan kurang menerapkannya dalam kehidupan seharian. Namun, secara dasarnya, aspek lain seperti afektif dan psikomotorik juga merupakan aspek penting untuk diajar. Institusi pendidikan seharusnya dapat membuat anak murid menerapkan apa yang diajari, kerana aspek-aspek tersebut penting dalam memperkembangkan lagi ilmu pengetahuan. Pembentukan karakter anak murid tanpa menerapkan aspek afektif dan psikomotorik tidak akan berjaya menghasilkan generasi penerus yang memberikan kesan positif kepada bangsa”

Berdasarkan kepada pernyataan masalah tersebut telah mendorong pengkaji untuk menjalankan kajian ini dalam penekanan nilai dan fungsi *tangon-tangon* (cerita rakyat) masyarakat Kadazandusun dalam pembentukan karakter murid sekolah dengan harapan warisan tradisi lisan dapat dikekalkan. Yakni, nilai tersebut dapat diterapkan dalam diri dan sesama untuk membentuk karakter diri menjadi modal insan yang berguna kepada negara.

Pembawa kepada *tangon-tangon* (cerita rakyat) juga merupakan aset penting untuk generasi masa kini mengetahui dan menggali semula khazanah tersebut untuk dibukukan. Jika tiada usaha giat dalam memelihara serta memulihara *tangon-tangon* (cerita rakyat) maka suatu saat nanti apabila para pembawa tradisi lisan ini meninggal dan masih belum ada kesedaran masyarakat dalam membela khazanah ini, maka jumlah *tangon-tangon* yang mampu dikumpulkan hanya sedikit (Julita @ Norjietta Taisin, 2014).



1.3 Objektif Kajian

Kajian ini memfokuskan kepada cerita rakyat masyarakat Kadazandusun yang dikenali sebagai *tangon-tangon*. Dalam kajian ini, pengkaji akan mengaitkan nilai dan fungsi *tangon-tangon* dalam pembentukan karakter pelajar. Objektif kajian serta soalan kajian ini adalah seperti berikut:

1.3.1 Objektif

1. Mengenalpasti fungsi *tangon-tangon* masyarakat Kadazandusun yang terdapat dalam buku Himpunan Cerita Kadazandusun



05-4506832 2. Menyatakan nilai-nilai murni *tangon-tangon* masyarakat Kadazandusun dalam bupsi

buku Himpunan cerita Kadazandusun

3. Mengenalpasti strategi pengajaran guru dalam mendedahkan nilai-nilai murni yang terdapat dalam *tangon-tangon* berdasarkan buku Himpunan Cerita Kadazandusun

1.3.2 Soalan Kajian

1. Apakah fungsi *tangon-tangon* masyarakat Kadazandusun yang terdapat dalam buku Himpunan Cerita Kadazandusun?

2. Apakah nilai murni *tangon-tangon* masyarakat Kadazandusun dalam buku Himpunan Cerita Kadazandusun?





3. Apakah strategi pengajaran yang digunakan oleh guru dalam pengajaran nilai-nilai murni *tangon-tangon* berdasarkan buku Himpunan Cerita Kadazandusun?

1.4 Kepentingan Kajian

Kajian mengenai nilai dan fungsi *tangon-tangon* (cerita rakyat) terhadap pembentukan karakter murid sekolah boleh menjadi sumber rujukan tambahan kepada seseorang pengkaji mahupun masyarakat pembaca untuk mendapatkan sumber maklumat yang lebih efektif. Tambahan pula, kajian ini mampu membantu bukan sahaja kepada pengkaji akan datang namun juga kepada guru-guru sekolah, pelajar dan juga masyarakat. Hal ini sejajar dengan hasil kajian Slamet Pujiyono et al. (2014) yang menyatakan bahawa penulisan sesebuah karya ilmiah seharusnya diawali oleh serangkaian kegiatan ilmiah sehingga isi tulisan karya ilmiah merupakan pengetahuan yang sah (*valid*). Seperti suatu ilham, sumber merupakan punca pemikiran atau ilham yang diperoleh melalui beberapa kumpulan rujukan bagi kegunaan penyelidikan dalam mana-mana bidang keilmuan untuk memperoleh maklumat (Muhd. Yusof Ibrahim, 1997).

Kajian ini juga diharapkan dapat memberi kesedaran kepada ibu bapa bahawa mereka seharusnya perlu tahu bagaimana hendak membantu dalam pembentukan karakter anak-anak khususnya dengan menggunakan cerita rakyat seperti *tangon-tangon* yang mempunyai banyak nilai dan fungsi tersendiri. Dapatan kajian ini juga ada menyatakan bahawa pengaruh karakter seseorang anak adalah melalui apa yang dipelajari daripada lingkungan seperti keluarga dan sahabat. Oleh itu, adalah penting





bagi ibu bapa membentuk karakter anak bermula dari kecil lagi dan menggunakan pelbagai bahan seperti *tangon-tangon* agar mereka mempunyai pengetahuan sedia ada mengenai tradisi lisan ini justeru meningkatkan tahap disiplin melalui pengaplikasian nilai moral yang ada dalam sesebuah cerita. Hal ini selaras dengan pendapat Yetti Nurhayati (2017) yang menyatakan bahawa perkembangan fizik, mental dan karakter kanak-kanak terbentuk sejak usia kecil lagi hasil pembelajaran, peniruan dan perilaku daripada ibu bapa, keluarga dan lingkungan.

Bagi masyarakat Kadazandusun pula, kajian ini penting supaya fungsi dan nilai murni dalam *tangon-tangon* masyarakat Kadazandusun mampu ditonjolkan semula dan mengekang kepupusan tradisi lisan serta khazanah yang sungguh indah ini. Kepentingan tersebut turut dinyatakan oleh Datu Rosmadi Datu Sulai dalam risalah yang ditulis oleh Abd. Naddin Hj Shaidin (2011) bahawa kajian dan penyelidikan mengenai cerita rakyat Sabah harus diperbanyakkan kerana jika tidak, suatu waktu nanti budaya kita akan hilang. Kepentingan tersebut boleh disokong melalui kajian Wan Yusof Hassan dan Siti Hadiyah Hj. Abd. Mutalib (1992) yang menyatakan bahawa “kepupusan dan kematian pembawa tradisi lisan dan kurangnya kesedaran masyarakat dalam memelihara dan membela khazanah yang berharga ini menyebabkan pengumpulan tradisi ini masih berada dalam jumlah yang sangat kecil”. Selain itu, jika fungsi dan nilai murni dalam *tangon-tangon* tidak dikupas maka *tangon-tangon* tersebut hanya akan menjadi bahan bacaan semata-mata tanpa mengupas fungsi dan nilai murninya.

Dalam dunia pendidikan, pentingnya fungsi dan nilai murni melalui *tangon-tangon* untuk didedahkan kepada murid-murid sejak peringkat awal lagi. Kajian ini





mampu menjadi bahan dalam pengajaran seterusnya membawa kesedaran bukan sahaja kepada para murid tetapi juga kepada para guru. Lebih penting lagi, melalui kajian ini ahli pendidikan mampu melihat sejauh mana keberkesanan pengajaran fungsi dan nilai murni dalam *tangon-tangon* (cerita rakyat) untuk mewujudkan murid-murid yang berkarakter baik. Jika melihat pada kajian lepas, Rahmanto (1988:15) menyatakan hal ini bahawa sekiranya pengajaran sastera dilakukan dengan cara yang tepat, maka pengajaran sastera dapat juga memberikan sumbangan yang besar untuk memecahkan masalah-masalah nyata yang cukup sulit untuk dipecahkan dalam sesebuah masyarakat.

Kajian ini juga mempunyai kepentingan yang tertentu bagi pentadbiran sekolah dan penggubal kurikulum. Dengan adanya kajian ini diharapkan dapat dijadikan sebagai asas dan garis panduan kepada beberapa pihak dalam meningkatkan mutu pendidikan di negara ini. Pengkaji meletakkan harapan yang tinggi kepada dapatan kajian supaya hasilnya akan memberi sumbangan yang positif terhadap perkembangan bidang pembangunan dan penyelidikan pendidikan di negara ini. Berdasarkan kajian ini, pihak-pihak yang berkaitan adalah diharapkan dapat mempertimbangkan beberapa cadangan yang telah disarankan.

Kajian ini juga diharapkan dapat membantu para guru dalam mempraktikkan kaedah pengajaran yang sesuai dengan adanya tahap kesediaan yang cukup dalam diri. Maklumat yang dikumpulkan juga akan membantu pemahaman lebih mendalam khususnya berkaitan nilai dan fungsi cerita rakyat seperti *tangon-tangon* (cerita rakyat) masyarakat Kadazandusun dalam pembentukan karakter murid sekolah serta strategi yang sering digunakan oleh guru semasa sesi pengajaran dan pembelajaran. Hal ini selaras dengan kajian Bychowski et al., 1985 (dalam Norhayati Abd. Mukti, 2000) yang





menyatakan bahawa pembolehkan kesediaan guru adalah berdasarkan sikap, kemahiran dan ilmu pengetahuan yang juga turut disokong oleh Hamzah Ihsan (1990).

Bagi negara, kajian ini mampu membawa masyarakat dari pelbagai kaum untuk mengenali *tangon-tangon* (cerita rakyat) kaum Kadazandusun serta mengenali fungsi serta nilai murni yang terdapat dalam *tangon-tangon* masyarakat ini. Dengan ini, masyarakat peminat bidang cerita rakyat dapat bertukar ganti ilmu dalam mengenali lebih mendalam lagi mengenai cerita rakyat dari kaum lain. Menurut sejarah, *tangon-tangon* (cerita rakyat) merupakan suatu refleksi budaya bagi masyarakat pemilik dan juga penikmat tradisi lisan tersebut. *Tangon-tangon* (cerita rakyat) telah muncul sejak sekian lama namun masih dalam bentuk lisan yang kemudiannya diwariskan kepada generasi seterusnya. Melalui pewarisan tersebut maka berlaku tokok tambah dalam *tangon-tangon* (Minah Sintian, 2015). Kewujudan *tangon-tangon* (cerita rakyat) tersebut menggambarkan keunikan dan juga identiti yang dimiliki oleh kaum tersebut serta menggambarkan pemikiran genius masyarakat Kadazandusun sejak zaman dahulu.

1.5 Limitasi Kajian

Kajian ini hanya akan menumpukan nilai dan fungsi *tangon-tangon* yang akan dikupas melalui buku *tinimungan tangon Kadazandusun* (Kumpulan cerita Kadazandusun). Pengkaji memilih 9 buah cerita sahaja iaitu ‘*Yanakanak dan Rogon Gayo*’, ‘*Ulat Pisang dan Kera*’, ‘*Tebuan*’, ‘*Maki yang Pemalas*’, ‘*Rumpad Nipon*’, ‘*Oki dan Odou*’, ‘*Yanakanak dan Lintagu*’, ‘*Ikan Menjadi Manusia*’ dan ‘*Bambarayon*’. 9 buah cerita





ini dipilih kerana mempunyai nilai-nilai seperti pendidikan dan nilai moral yang lebih banyak berbanding dengan 14 buah cerita yang lain.

Dalam aspek kesesuaian juga, cerita yang dipilih sesuai dengan sampel kajian iaitu murid sekolah rendah tahap dua. Selaras dengan pernyataan Rahmanto (1988:27) hal-hal yang perlu dipertimbangkan dalam memilih karya sastra yang sesuai untuk pembelajaran ialah bahasa, kematangan jiwa (psikologi) murid dan latar belakang kebudayaan para siswa. Dalam pendidikan anak-anak di peringkat awal, salah satu aspek yang harus dikembangkan adalah nilai moral (Wuri Wuryandani, 2017). Melalui analisis yang telah dijalankan oleh pengkaji mendapati bahawa 9 buah cerita yang dipilih mempunyai lebih banyak nilai moral yang sesuai dan mudah difahami untuk diterapkan kepada kanak-kanak berdasarkan tahap umur mereka yang masih muda.



Selain itu, pengkaji juga mengetengahkan cerita tersebut kerana mempunyai nama yang tipikal dan sering digunakan dalam cerita rakyat masyarakat Kadazandusun.

Dalam kajian ini, pengkaji memilih untuk menganalisis buku '*Tinimungan Tangon Kadazandusun*' (Himpunan Cerita Kadazandusun) kerana buku ini julung-julung kali diterbitkan yang menghimpunkan cerita-cerita Kadazandusun dari pelbagai pelosok di Sabah. Buku ini juga merupakan buku Himpunan cerita Kadazandusun pertama yang diterbitkan oleh penerbit Universiti Pendidikan Sultan Idris dan sangat sesuai diberi penelitian kerana banyak mengeluarkan unsur-unsur yang berkaitan nilai pendidikan dan nilai murni. Lasyo, Darmodiharjo (dalam Setiadi, 2006:117) menyatakan bahawa nilai merupakan sesuatu yang berguna bagi manusia baik jasmani mahupun rohani. Maka buku ini sesuai dengan objektif kajian yang diketengahkan oleh pengkaji.





Responden kajian ini terdiri daripada guru-guru yang mengajar mata pelajaran Bahasa Kadazandusun di Daerah Ranau dan juga murid tahap dua yang mengambil mata pelajaran Bahasa Kadazandusun. Justifikasi pemilihan guru sebagai responden adalah berdasarkan pengalaman, jawatan dan juga pengetahuan yang dimiliki iaitu pernah mengikuti kursus ataupun latihan dalam tersebut dalam bidang Bahasa Kadazandusun. Guru Bahasa Kadazandusun lebih terdedah menggunakan cerita rakyat iaitu *tangon-tangon* semasa pengajaran dan pembelajaran. Murid pula terdiri daripada murid tahap dua yang mempunyai latar belakang sebagai masyarakat Kadazandusun. Ibu bapa mereka kebanyakannya bekerja sebagai petani.

Sekolah-sekolah yang dipilih dalam kajian ini berdasarkan justifikasi bahawa sekolah-sekolah ini mempunyai ramai murid yang mengambil mata pelajaran Bahasa Kadazandusun. Oleh itu, ini memudahkan pengkaji untuk menjalankan proses pengutipan data yang lebih berkualiti. Kajian dilakukan di sekitar Daerah Ranau untuk membuat pemerhatian dan menilai strategi guru semasa sesi pengajaran dan pembelajaran mengenai nilai dan fungsi *tangon-tangon* masyarakat Kadazandusun. Pemilihan Daerah Ranau adalah kerana daerah ini sangat dikenali dengan sejarah Nunuk Ragang. Menurut nenek moyang, Nunuk Ragang merupakan tempat asal-usul masyarakat Kadazandusun, penuh dengan sejarah, budaya dan kehidupan masyarakat Kadazandusun. Bagi suku kaum Kadazandusun, mereka mempercayai beberapa lagenda dan mitos mengenai asal-usul keturunan mereka. Jika melihat dalam aspek sejarah lisan dan cerita lagenda, teori kedatangan kaum Kadazandusun yang paling terkenal dan lebih diketahui umum ialah “teori nunuk ragang”.





Menurut teori ini, orang Kadazandusun yang bertaburan di pelbagai tempat di Sabah masa kini berasal dari Nunuk Ragang. Menurut Persatuan Kebudayaan Kadazandusun Sabah (KDCA), Kadazandusun merujuk kepada empat puluh satu etnik seperti yang berikut;

Bisaya, Kuijau, Murut, Sungai, Bonggi, Lingkabau, Nabai, Tatana, Bundu, Liwan, Paitan, Tangara, Dumpas, Lobu, Pingas, Tidong, Gana, Lotud, Rumanau, Tindal, Garo, Lundayo, Rungus, Tobilung, Idaan, Makiang, Sinobu, Tolinting, Kadayaan, Malapi, Sinorupu, Tombonuo, Kimaragang, Mangkaak, Sonsogon, Tuhawon, Kolobuan, Minokok, Sukang, Tutung.

Nunuk Ragang merupakan sebuah kawasan yang terletak di Daerah Ranau iaitu tempat yang boleh dikunjungi apabila melalui jalan Pekan Ranau menuju ke Telupid. Kawasan tersebut dikenali sebagai Tompios, Ranau pada masa kini (Sarim Hj. Mustajab, 2004: 11-20). Kehidupan mereka pada masa itu dipenuhi dengan semangat bersatu padu, *mogitabang-tabang*, *mogiuhup-uhup*, *otoluod*, *obinsianan*, *orulan*, *otorini*, *ohinomod*, *aparu*, *onimot*, *obingupus*, *okupi*, *obintinong*, *obintumbayaan*, *obingangkangau*, *obinronok*, *otuyu*, *osuau*, *obingopi*, *mamantang*, *opori*, *obulun* dan *onitinginawo* (Henry, 2002). Berdasarkan kehidupan kaum Kadazandusun yang penuh dengan nilai-nilai tersebut, maka kita dapat mengetahui bahawa cerita ini membawa mesej agar generasi masa kini menyedari bahawa kaum Kadazandusun datang dari tempat yang sama pada asalnya dan harus memartabatkan warisan budaya, kesenian serta keunikannya seperti kata Ernest Renant (1994):

Bangsa adalah kesatuan jiwa. Jiwa yang mengandung kehendak untuk bersatu, orang-orang merasa diri satu dan mahu bersatu. Apabila semua manusia yang hidup di dalamnya mempunyai kehendak untuk bersatu maka sudah merupakan satu bangsa.





Menurut Bahasa Dusun, ‘Nunuk’ membawa maksud ‘Pokok Kayu Ara’ manakala ‘Aragang’ pula bermaksud ‘merah’ yang apabila dicantumkan disebut sebagai ‘Nunuk Ragang’ iaitu ‘Pokok Ara Berwarna Merah’ (Benedict Topin, n.d). Melalui kajian yang pernah dibuat oleh pengkaji budaya, di tempat itu terdapat dua buah sungai iaitu Sungai Liwago atau Kawananan dan Sungai Golibang atau Kogibangan yang mengalir ke arah Timur Ranau dan Tambunan. Pada waktu itu, sungai-sungai ini memainkan peranan yang sangat penting sebagai laluan utama perpindahan beramai-ramai orang-orang Kadazan/Dusun ke seluruh pelusuk tempat di negeri Sabah setelah Nunuk Ragang ditimpa musibah (Ivor H.N Evans, 1953). Menurut cerita orang-orang tua suku kaum Kadazandusun, pokok itu adalah sebesar enam depa lingkungan tangan memeluk dan daun-daunnya yang merimbun dapat melindungi di bawahnya sebanyak tujuh buah pondok orang-orang Kadazan dahulu kala yang berukuran 240 kaki persegi.



Nenek moyang dikatakan sering bermandi-manda di dua buah sungai tersebut dan kemudian memanjat Pokok Ara untuk berjemur di atas dahan-dahannya. Akar pokok itu mengeluarkan sejenis getah berwarna merah yang dipercayai dapat menyembuhkan berbagai jenis penyakit. Pada mulanya nenek moyang mereka hidup bebas dan menikmati limpahan rezeki yang ada di sekeliling mereka. Tetapi lama-kelamaan apabila penduduk di tempat itu semakin ramai dan bertambah sesak serta pencarian makanan bertambah sukar, ketua mereka telah memerintahkan pahlawan-pahlawanannya pergi mengembara dan mencari kawasan-kawasan penempatan baru yang lebih sesuai dan mempunyai sumber makanan yang banyak. Sekembalinya pahlawan-pahlawan itu, mereka telah menceritakan tentang penemuan-penemuan mereka. Maka dengan itu berlakulah penghijrahan beramai-ramai yang masing-masing






diketuai oleh Pahlawan-pahlawan tersebut dan menyebabkan terjadinya pemisahan dan penyelerakan orang-orang Kadazan seperti yang ada pada masa sekarang (Japuin Madisah 1986:5).

Terdapat juga versi lain tentang lagenda ‘Nunuk Ragang’ yang menyatakan bahawa, di sekeliling Pokok Ara tersebut dipenuhi dengan manusia/lembaga yang berjuntai dan berada di bawah pohon serta di tebing sungai. Lembaga hidup tersebut dipercayai berwarna kemerah-merahan. Apabila cahaya matahari memancar, maka tubuh lembaga hidup yang kemerah-merahan semakin menyerlah menyebabkan pokok tersebut juga kelihatan merah. Selaras dengan itu maka timbullah istilah ‘Nunuk Ragang’.



aman damai, dapat menikmati pelbagai jenis bekalan makanan yang mencukupi seperti makanan dari hutan, sungai dan hasil pertanian. Kehidupan mereka dipenuhi dengan semangat bersatu padu, amalan-amalan seperti bekerjasama, bergotong-royong, saling membantu, menghormati, kasih sayang, rajin, berbelas kasihan dan sebagainya. Namun, tragedi kematian penduduk di situ akibat terminum air sungai yang beracun menyebabkan berlakunya penghijrahan dan taburan kaum di pelbagai Daerah di Sabah (Julita @ Norjietta Taisin, 2014).





Rajah 1.5. Peta Penghijrahan/Penyelerakan Penduduk Kadazandusun Mengikut Legenda Nunuk Ragang. Diadaptasi dari Japuin Madisah, 1986

1.6 Definisi Operasional/ Huraian Istilah

1.6.1 Fungsi

Menurut The Liang Gie dalam kajian Nining Haslinda Zainal (2008) berjudul “Analisis Kesesuaian Tugas Pokok dan Fungsi dengan Kompetensi Pegawai Pada Sekretariat Pemerintah Kota Makassar”, menakrifkan fungsi sebagai satu kelompok aktiviti yang tergolong dalam jenis yang sama berdasarkan sifat, pelaksanaan dan pertimbangan lainnya. Selaras dengan itu, Sutarto dalam Nining Haslinda Zainal (2008:22) juga mengemukakan pendapat yang hampir sama tentang maksud fungsi iaitu rincian tugas



yang sejenis atau erat hubungannya antara satu sama lain menurut sifat atau pelaksanaannya.

Dalam kajian yang dijalankan oleh pengkaji pula, fungsi yang dimaksudkan lebih dikaitkan dengan *tangon-tangon* itu sendiri. *Tangon-tangon* juga membawa fungsi seperti cerita dongeng yang lain iaitu mengajarkan nilai moral yang baik, mengembangkan daya imaginasi, menambah wawasan anak, meningkatkan kreativiti, merapatkan lagi hubungan kanak-kanak dengan orang tuanya mahupun pencerita, menghilangkan ketegangan ataupun tekanan dan sebagainya (Evo, 2017). Namun, dalam kajian ini, pengkaji memberi tumpuan terhadap fungsi *tangon-tangon* iaitu mengajarkan nilai moral yang baik.



1.6.2 Nilai Murni

Nilai murni merupakan perlakuan yang baik, peradaban dan tatasusila seseorang individu manusia terhadap manusia, alam dan Tuhan. Nilai murni juga merupakan suatu tanggapan mengenai perkara-perkara yang diinginkan dan diimpikan. Dalam masa yang sama, nilai murni juga merupakan sesuatu yang menjadi kriteria dan ukuran. Dalam sesebuah masyarakat, nilai murni biasanya berasaskan keagamaan kerana setiap agama sememangnya mendorong umatnya untuk menjadi baik dan berakhlak mulia (Wan Mohd, Zahid, 1988).

Jika melihat satu persatu maksud nilai dan murni, Scheler (dalam Franz Magnis Suseno, 2000:34) menyatakan bahawa nilai merupakan suatu kualiti atau sifat dalam





melakukan sesuatu hal yang bernilai. Sebagai contoh nilai “hormat” yang merupakan suatu tindakan dalam menghormati. Maka, kita dapat mengetahui bahawa nilai itu sungguh berbeza dengan bernilai (*gutter, goods*). Istilah nilai atau *value* berasal dari kata latin *valare* atau bahasa Prancis Kuno *valoir* yang bererti harga (Sofyan Sauri, 2009). Nilai selalunya akan digunakan sebagai alat pengukur dalam menentukan kebenaran dan keadilan sehingga tidak akan pernah lepas daripada sumber asalnya yang berkaitan dengan keagamaan, logik dan norma yang berlaku dalam masyarakat umum.

Murni pula ditakrifkan sebagai sesuatu unsur yang belum bercampur dengan unsur lain dan masih tulen. Murni juga merupakan unsur yang belum mendapat pengaruh luar, polos, lugu, tulus, suci, asli dan belum ternoda (Kamus Online Besar Bahasa Indonesia, 2012-2016 versi 1.9). Jika melihat pada maksud tersebut dapat disimpulkan bahawa murni merupakan sesuatu yang masih baru dan belum menerima sebarang pengaruh.

Dalam konteks kajian yang dijalankan oleh pengkaji, nilai murni lebih merujuk kepada nilai-nilai murni yang terdapat dalam cerita yang mampu mempengaruhi pembentukan karakter murid sekolah. Nilai-nilai murni tersebut merupakan nilai-nilai yang mudah iaitu taat, hormat, rajin, suka menolong, kasih sayang dan sebagainya. Kesemua nilai tersebut dibawa oleh watak-watak menarik yang terdapat pada *tangon-tangon* (cerita rakyat) yang telah dipilih oleh pengkaji.





1.6.3 *Tangon-tangon* (Cerita Rakyat)

Tangon-tangon merupakan istilah dalam bahasa Kadazandusun yang membawa maksud cerita rakyat. *Tangon-tangon* ataupun cerita rakyat telah muncul sejak zaman nenek moyang lagi dan disampaikan secara lisan dari satu generasi ke generasi yang lain. Kebiasaannya, cerita rakyat adalah berbentuk tuturan yang berfungsi sebagai media dalam mengungkapkan perilaku berkaitan nilai-nilai dalam kehidupan yang sehati dengan kehidupan masyarakat. Dalam masyarakat Kadazandusun, sastera rakyat ini lahir dalam masyarakat Kadazandusun yang primitif dan ianya bersifat universal. Cerita rakyat ataupun *tangon-tangon* yang disampaikan dalam bentuk lisan dan diwariskan secara turun-temurun mengalami tokok tambah (Minah Sintian, 2015). Dalam hasil kajian yang didapati oleh Kiefer (2010:227) menyatakan bahawa;



“Folktales have been defined as all forms of narrative, written or oral, which have come to be handed down through the years”.

Selain daripada itu, unsur epik, balada, legenda dan mitos juga termasuk dalam *folktales*. Kiefer (2010: 233-239) juga menyatakan dalam kajiannya bahawa ciri-ciri cerita rakyat iaitu cerita rakyat boleh dibandingkan dengan jenis cerita yang lain melalui alur, karakter, tema, motif dan jenisnya. Dalam cerita rakyat, struktur alurnya adalah sederhana, mengarah dan sentiasa berlaku pengulangan dari aspek tanggapan, nyanyian dan puisi. Dalam cerita rakyat, tidak dinyatakan secara spesifik waktu dan tempat berlakunya sesuatu peristiwa. Walaupun demikian, pencerita menyajikan sesuatu yang indah seperti menyajikan pembukaan yang penuh konflik, karakter dan tempat yang menarik dan kesimpulannya mengikuti klimaks yang sangat cepat dan jelas.





Menurut Danandjaya (1991), cerita rakyat merupakan sebahagian daripada kebudayaan suatu kolektif yang tersebar dan kemudiannya diwariskan secara turun-temurun di antara kolektif macam apa saja, baik secara tradisional dalam versi yang berbeza-beza, samada dalam bentuk lisan mahupun contoh yang diikuti oleh gerakan dan isyarat ataupun sebarang alat yang boleh membantu mengingat (*memoric device*). *Folklore* ataupun *tangon-tangon* berfungsi sebagai suatu medium dalam mewariskan adat-istiadat dan norma-norma masyarakat pemiliknya khususnya untuk sastera lisan. Hal ini diperjelaskan lagi melalui pernyataan oleh Yanagita (Endraswara, 2009:109) yang menyatakan bahawa *folklore* merupakan suatu “ajaran untuk hari esok” sebagai suatu disiplin ilmu yang mampu membantu masyarakat Kadazandusun dalam mengenali jati diri mereka sendiri serta mendalami sejarah yang wujud dalam kelompok masyarakat mereka.



Dalam kajian ini, terdapat 9 buah *tangon-tangon* (cerita rakyat) yang telah dipilih. *Tangon-tangon* ataupun cerita rakyat tersebut memiliki nilai murni yang sesuai dengan objektif yang ingin dicapai oleh pengkaji. *Tangon-tangon* dalam kajian ini juga diambil daripada cerita popular dalam kalangan masyarakat Kadazandusun dan menampilkan watak-watak yang tipikal seperti yang sering digunakan oleh masyarakat primitif kaum Kadazandusun suatu ketika dahulu. Antara nama-nama yang sering digunakan dan sangat popular seperti *Yanakanak/Anakaanak*, *Kodukodu/Kodu/Odu/Odou/Yodu*, *Kakikaki/Kaki/Oki/Aki/Laki*, *Rinokian/Rakian* dan pelbagai lagi nama yang lain yang sering digunakan secara berulang dalam cerita yang berbeza (Minah Sintian, 2015:3).





1.6.4 Masyarakat Kadazandusun

Selo Soemardjan (1997) dan Paul B. Horton (1991) masing-masing menyatakan bahawa masyarakat merupakan orang-orang yang hidup bersama dan menghasilkan kebudayaan dan merupakan sekumpulan manusia yang relatif mandiri dengan hidup bersama-sama untuk jangka masa yang cukup lama. Mereka mendiami suatu wilayah tertentu dengan memiliki kebudayaan yang sama dan sebahagian besarnya melakukan kegiatan dalam kelompok mereka.

Kaum Kadazandusun merupakan sebuah etnik peribumi yang menetap di Pantai Barat Sabah dan kawasan pedalaman sekitarnya. Menurut Persatuan Kebudayaan Kadazandusun Sabah (KDCA) dan di dalam perlembagaannya, Kadazandusun merujuk kepada empat puluh etnik seperti yang berikut : Bonggi, Lingkabau, Nabai, Tatana, Bundu, Liwan, Paitan, Tangara, Dumpas, Lobu, Pingas, Tidong, Gana, Lotud, Rumanau, Tindal, Garo, Lundayo, Rungus, Tobilung, Idaan, Makiang, Sinobu, Tolinting, Kadayan, Malapi, Sinorupu, Tombonuo, Kimaragang, Mangkaak, Sonsogon, Tuhawon, Kolobuan, Minokok, Sukang, Tutung, Kuijau, Murut, Sungai, Bisaya (Gwen Queerin Majin, 2012).

Menurut kajian T.R.Williams (1965) iaitu salah seorang pengkaji asal-usul orang Kadazandusun, kaum Kadazandusun merupakan kaum yang berasal daripada rumpun Indo-Malayan dari Selatan China ke negara-negara di Asia Tenggara. Dalam kajian yang dijalankan oleh pengkaji ini menyatakan bahawa aspek fizikal iaitu ketinggian lelaki adalah di bawah lima kaki enam inci manakala perempuan pula dalam lingkungan lima kaki tiga inci. Dari aspek bahasa pertuturan pula, beliau memberi teori





bahawa kaum kadazandusun memiliki loghat yang dituturkan oleh bangsa yang mempunyai bahasa jenis Austronesia iaitu Malayo Polynesia. Selain itu, aspek-aspek seperti kumpulan darah, dan bahan-bahan kesenian yang dicipta oleh masyarakat Kadazandusun juga turut dijadikan sebagai bukti oleh saintis sosial dan ahli sejarah.

Teori yang seterusnya diusulkan oleh Ivor H.N. Evans, 1923 dan disokong dalam kajian lanjut yang dijalankan oleh T.R. Williams pada tahun 1965 (dalam Julita @ Norjietta Taisin, 2014) menyatakan bahawa masyarakat Kadazandusun mempunyai kaitan dengan penghijrahan orang Mongol, orang China atau orang Kanchin dan orang Annam dari Myanmar. Antara bukti yang dicatat oleh pengkaji ini ialah:

- a) Petani Kadazandusun memakai topi dan menggunakan alat penanaman padi yang sama dengan orang-orang Cina.
- b) Orang Dusun kelihatan mirip dengan Cina iaitu dari aspek fizikal seperti ketinggian, mata dan warna kulit.
- c) Terdapat banyak pasu tempatan China Kuno di Sabah.
- d) Nama Gunung Kinabalu iaitu Kina dipercayai berasal daripada perkataan “Cina” dan pelbagai lagi nama tempat lain seperti Gunung Kinabalu dan Sungai Kinabatangan yang dikaitkan dengan China.
- e) Bukti sejarah iaitu catatan yang merekodkan kedatangan rombongan China yang dihantar ke Brunei.
- f) Kisah lagenda iaitu kedatangan Putera Cina ke Sabah untuk mendapatkan mutiara naga di Gunung Kinabalu.

Selain itu, kaum Kadazandusun juga didakwa berasal daripada rumpun yang dikenali sebagai Mongol (Mongoloid Stock). Bukti ini diperolehi daripada Ensiklopedia Sejarah dan Kebudayaan Melayu (1999:683) iaitu catatan penemuan etnologi bahawa fizikal kaum ini ialah berkulit kuning langsung, bersaiz kecil dan rendah. Sebagai bukti lain, terdapat juga pengkaji yang mencatat kenyataan berikut;

“It has been said that the Kadazandusun are of Mongoloid Stock that once came from Mongolia. During one of the migratory waves they moved southwards towards the Sundas, traceable only today to include the Philippines and Indonesian Archipelagos, Borneo Island and





Peninsular Malaysia with South China Sea enblocked within the present Sunda Shelf”.

Menurut dakwaan Enrquez, (1927:122) kaum Kadazandusun merupakan kaum yang berimigran daripada Annam dan ini sekaligus mengaitkan orang Kadazandusun dengan orang Kachin di Annam. Buktinya adalah seperti berikut:

“The long commonunal houses, the method of hill cultivation, the rice wine of Borneo, are all repeated on the Burmese border. Both Dusun and Kachin women wear hoops of lacquered cane around their bodies. The animism of the Dusun, with its spirits of trees and mountains, resembles that of the Kachins. Dusun chiefs are called “Orang Tua: Kachin Chiefs have the title of “Duwa”. Both races have the same sort of character, the same supertitious, the same omen, the same curious belief...”

Bagi penduduk tempatan pula, mereka mempercayai bahawa kaum Kadazandusun merupakan satu keturunan dewa dewi yang dikenali sebagai Kinorohingan dan isterinya Suminundu. Selain daripada itu, terdapat juga teori tradisional ataupun lebih diketahui sebagai sejarah lisan (cerita lagenda) yang menyatakan bahawa Kaum Kadazandusun berasal dari Nunuk Ragang iaitu sebuah tempat yang kini terletak di Kampung Tompios, Ranau. Menurut kajian Sarim Hj. Mustajab (2004: 11-20), Nunuk Ragang merupakan sebuah tempat yang terletak di kawasan sekitar muara pertemuan dua batang sungai iaitu sungai *kogibangan* (dari arah kiri) dan sungai *kawananan* (dari arah kanan). Kedua arah sungai ini telah bercantum dan membentuk sungai yang lebih besar dan dikenali sebagai Sungai *Liwogu* (dalam dan tenang).

Menurut sejarah lisan, terdapat pokok yang dikenal sebagai “Nunuk” tumbuh berhampiran dengan sungai Liwogu tersebut. Di sekeliling pokok tersebut dipenuhi dengan manusia/lembaga yang berjantai dan berada di bawah pohon serta di tebing





sungai tersebut. Lembaga hidup tersebut dipercayai berwarna kemerah-merahan. Apabila cahaya matahari memancar, maka tubuh lembaga hidup yang kemerah-merahan semakin menyerlah menyebabkan pokok tersebut juga kelihatan merah. Selaras dengan itu maka timbullah istilah Nunuk Ragang iaitu Ragang yang diambil daripada kata *Aragang* membawa bermaksud “merah”. Sejak itu, nama Nunuk Ragang menjadi identiti rakyat Sabah yang mempercayai bahawa asal-usul mereka adalah daripada kawasan ini (dalam Julita @ Norjietta Taisin, 2014).

Masyarakat Kadazandusun pada masa itu hidup dalam keadaan yang bebas, aman damai, dapat menikmati pelbagai jenis bekalan makanan yang mencukupi seperti makanan dari hutan, sungai dan hasil pertanian. Kehidupan mereka dipenuhi dengan semangat bersatu padu, *mogitabang-tabang*, *mogiuhup-uhup*, *otoluod*, *obinsianan*, *orulan*, *otorini*, *ohinomod*, *apar*, *onimot*, *obingupus*, *okupi*, *obintinong*, *obintumbayaan*, *obingkanggau*, *obinronok*, *otuyu*, *osau*, *obingopi*, *mamantang*, *opori*, *obulun* dan *oniting ginawo*. Mereka juga mencipta pelbagai perlatan seperti peralatan perikanan (*tundalo*, *siud*, *bangkala*, *tambong*, *bubu*), peralatan memburu (*sopuk*, *tuwil*, *gaba*, *sungul*, *balatik*, *paliw*, *tandus*, *ramok*, *rungkasip*, *tabpai*, *sodik*, *tungkakub*, *pimpig*, *tawos*), peralatan muzik (*tagung*, *sompoton*, *turali*, *bungkau*, *suling pumpuak*) peralatan produk ekonomi (*bohungan*, *basung*, *kakanan*, *luping*, *sigup*, *sada toosin*, *bilis*, *tipun*, *paha*, *tusi*). Namun, tragedi kematian penduduk di situ akibat terminum air sungai yang beracun menyebabkan berlakunya penghijrahan dan taburan kaum di pelbagai Daerah di Sabah.

Taburan dan penghijrahan ini telah menyebabkan wujud beberapa suku kaum dalam kaum Kadazandusun seperti Bisaya, Bonggi, Bundu, Dumpas, Gana, Garo,





Idaan, Kimaragang, Kolobuan, Kuijau, Labuk, Lingkabau, Liwan, Lobu, Lotud, Lundayeh, Makiang, Malapi, Mangkaak/Kunatong, Minokok, Murut, Ngabai, Paitan, Pingas, Rumanau, Rungus, Sinobu, Sinorupu, Sonsogon, Sukang, Sungai, Tagahas, Tatatana, Tangara, Tidong, Tobilung, Tolinting, Tombonuo, Tuhawon om Tutung berpindah-randah dan kemudian tersebar di seluruh Sabah (Japuin Madisah 1986 :5).

1.6.5 Pembentukan Karakter

Karakteristik yang dikatakan asli dan berakar pada keperibadian seseorang atau individu benda, serta “mesin” yang mendorong bagaimana bertindak, berperilaku, berkata-kata dan menanggapi sesuatu (Kertajaya, 2010). Secara etimologi, karakter bermaksud cara berfikir dan berperilaku yang merupakan ciri khas dari masing-masing individu untuk hidup dan bekerjasama, baik di dalam keluarga, masyarakat, bangsa dan negara (Suyanto, 2009). Dalam pembentukan karakter, terdapat beberapa unsur penting iaitu fikiran kerana dalam fikiran, muncul suatu program yang terbentuk dari pengalaman hidupnya dan pengalaman tersebut merupakan pelopor segalanya. Program ini seterusnya membentuk sistem kepercayaan yang akhirnya dapat membentuk pola berfikir seseorang yang mampu mempengaruhi perilakunya.

Menurut Hornby dan Parnwell (1972:49), karakter membawa erti kualiti mental atau moral, kekuatan moral, nama atau reputasi. Karakter juga merupakan kualiti atau kekuatan mental atau moral, akhlak atau budi pekerti individu yang juga merupakan suatu keperibadian khusus yang juga menjadi penggerak atau pendorong serta membedakan individu lain (M. Furqon Hidayatullah, 2010:13). Karakter juga boleh





diertikan sebagai sebuah watak, tabiat, sifat-sifat kejiwaan, akhlak atau budi pekerti yang membezakan seseorang dari orang lain. Karakter juga diertikan sebagai nilai-nilai perilaku manusia yang mempunyai hubungan dengan Tuhan Yang Maha Esa, diri sendiri, sesama manusia, lingkungan dan kebangsaan yang terwujud melalui pemikiran, sikap, perasaan, perkataan dan perbuatan. Hal ini adalah berdasarkan kepada norma-norma agama, hukum, tatakarma, budaya dan istiadat (Samani & Hariyanto, 2013:41-42).

Seperti yang telah dinyatakan oleh pengkaji, kajian ini bertujuan melihat kaitan nilai dan fungsi *tangon-tangon* terhadap pembentukan karakter murid sekolah. Pembentukan karakter yang dimaksudkan oleh pengkaji dalam kajian ini ialah perubahan tingkahlaku yang dialami oleh murid setelah mendengar sesebuah *tangon-tangon* (cerita rakyat). Perubahan tersebut sama ada mampu membentuk karakter ke arah yang lebih baik mahupun sebaliknya. Karakter ataupun watak merupakan suatu sifat batin yang mempengaruhi fikiran, tingkahlaku, budi pekerti dan tabiat yang dimiliki oleh manusia atau makhluk hidup lainnya. Contohnya, sekiranya seseorang kanak-kanak itu bersifat malas, maka melalui penerapan nilai murni iaitu sifat kerajinan yang lebih membawa keuntungan berbanding sifat kemalasan yang akhirnya akan memakan diri sendiri seperti dalam *tangon-tangon* (cerita rakyat) “Maki yang Pemalas”, maka penerapan tersebut kemungkinan besar mampu menggerakkan sifat batin kanak-kanak untuk berubah menjadi seperti apa yang diterapkan kepada mereka.





1.6.6 Murid sekolah

Menurut Wikipedia 2014, istilah pelajar atau murid merujuk kepada sesiapa yang sedang ataupun dalam keadaan belajar. Berdasarkan Kamus Besar Online Bahasa Indonesia (2012-2016 versi 1.9), murid bermaksud orang ataupun anak yang sedang berguru, belajar atau bersekolah. Shafique Ali Khan (2005:62) pula memberi pengertian kepada murid sebagai yang berikut:

“Siswa- orang yang datang ke suatu lembaga untuk memperoleh atau mempelajari beberapa jenis pendidikan. Selanjutnya orang ini disebut pelajar atau orang yang mempelajari ilmu pengetahuan berapapun usianya, dari manapun, siapapun, dalam bentuk apapun, dengan biaya apapun untuk meningkatkan pengetahuan dan moral pelaku belajar.”

Dalam kajian ini, murid sekolah yang dimaksudkan ialah murid tahap dua yang mengambil mata pelajaran Bahasa Kadazandusun dan berada di sekolah rendah. Murid-murid tersebut berumur 11 tahun kerana murid-murid pada peringkat ini sudah mampu membentuk kemandirian sendiri. Dalam umur kanak-kanak 11 tahun ini juga, tahap untuk melatih anak untuk belajar menerima risiko sebagai suatu bentuk akibat apabila tidak mematuhi perintah. Mereka juga pada tahap umur ini dididik untuk membezakan perkara baik dan buruk. Oleh yang demikian, maka murid sekolah dalam lingkungan umur ini amat bersesuaian dengan kajian pengkaji yang berkaitan dengan nilai yang terdapat dalam *tangon-tangon* (cerita rakyat) kerana sesebuah *tangon-tangon* (cerita rakyat) mempunyai pembawaan watak baik yang mempunyai nilai murni dan juga watak jahat yang membawa sikap-sikap yang tidak baik. Dengan itu, murid tersebut dapat membezakan nilai murni dan juga sikap-sikap yang tidak baik.





Lawrence Kohlberg (1981) iaitu seorang ahli teori psikologi kognitif juga menyatakan bahawa murid berumur 11 tahun sudah menganggap moral sebagai kesepakatan tradisi sosial. Murid pada umur ini mahu dilihat sebagai seorang anak yang baik maka mereka akan berusaha untuk menampilkan imej yang baik kepada orang sekeliling terutama terhadap orang tua dan kawan-kawan terdekat. Hal ini kerana mereka mengharapkan penghargaan sebagai anak yang baik. Murid pada umur ini berperilaku sesuai dengan aturan dan penanda aras moral agar dapat memperoleh persetujuan dan sokongan daripada orang dewasa dan bukannya menghindari hukuman. Perbuatan baik dan buruk akan dinilai berdasarkan tujuan yang ditetapkan.

1.7 Kesimpulan



Secara keseluruhannya, bab ini menerangkan serba sedikit mengenai latar belakang masyarakat Kadazandusun, tradisi lisan Kadazandusun iaitu *tangon-tangon* (cerita rakyat), pembentukan karakter dan perkaitan fungsi dan nilai murni dalam *tangon-tangon*. Dalam bab ini juga membincangkan tentang istilah dan definisi kesemua istilah itu. Penerangan mengenai salah satu komponen tradisi lisan iaitu *tangon-tangon* juga turut diterapkan dalam bab ini. Tradisi lisan ini juga dikaitkan dengan pengajaran dan pembelajaran dalam kalangan murid-murid sekolah rendah. Dalam bab ini juga ada dibincangkan mengenai pembentukan karakter murid-murid sekolah rendah melalui *tangon-tangon* (cerita rakyat) masyarakat Kadazandusun berdasarkan kepada beberapa *tangon-tangon* (cerita rakyat) yang diketengahkan oleh pengkaji. Secara kesimpulannya, bab ini menceritakan mengenai warisan budaya dan tradisi lisan iaitu *tangon-tangon* (cerita rakyat) serta kepentingan pengajarannya dalam kalangan murid-





murid sekolah rendah terutamanya bagi sekolah-sekolah yang mempunyai subjek Kadazandusun. Bab ini juga menyentuh mengenai objektif, kepentingan, latar belakang, pernyataan masalah dan definisi operasional/huraian istilah.

